

Bil. S 33

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PASPORT (PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 10 dari Penggal 146.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PASPORT (PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pasport (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 10 dari Penggal 146.

2. Bab 10 dari Akta Pasport adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Sesiapa" dalam baris pertama;

(b) dengan menambah dua ceraian baru yang berikut —

"(2) Dalam sebarang kes berhubung dengan berlakunya suatu kesalahan terhadap Akta ini atau Peraturan-Peraturan Pasport, seseorang pegawai imigresen hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) berkenaan dengan penyiasatan ke atas suatu kesalahan boleh tangkap.";

(c) dengan menambah "dll." kepada nota tepi.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 6 haribulan Ogos, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**